



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

*Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat*

Nota (17)

OLEH: MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

(18) Firman Allah di dalam Surah al-Ahzaab ayat ke-52 berikut juga dikatakan mansukh:

لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدُ وَلَا أَنْ تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ رَقِيبًا ﴿٥٢﴾

Bermaksud: Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada) itu dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri (yang lain), sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka, kecuali hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dan (ingatlah) Allah sentiasa Mengawasi tiap-tiap sesuatu. (al-Ahzaab:52).

Orang-orang yang menerimanya mansukh mengatakan naasikhnya ialah firman Allah di bawah ini. Ia juga ayat dari Surah al-Ahzaab:

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنْ أَحَلَّلْنَا لَكَ أَزْوَاجَكَ الَّتِي ءَاتَيْتَ أَجُورَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْكَ وَبَنَاتٍ عَمَّكَ وَبَنَاتٍ عَمَّتِكَ وَبَنَاتٍ خَالَكِ وَبَنَاتٍ خَالَتِكَ الَّتِي هَاجَرْنَ مَعَكَ وَأَمْرًا مُؤْمِنَةً إِنْ وَهَبْتَ نَفْسَهَا لِلنَّبِيِّ إِنْ أَرَادَ النَّبِيُّ أَنْ يَسْتَنْكِحَهَا خَالِصَةً لَكَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ قَدْ عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِي أَزْوَاجِهِمْ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ لِكَيْلَا يَكُونَ عَلَيْكَ حَرَجٌ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan mas kahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang dan (Kami telah halalkan bagimu berkahwin dengan sepupu-sepupumu, iaitu): Anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah bapa) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah bapa) dan anak-anak perempuan bapa saudaramu (dari sebelah ibu) serta anak-anak perempuan emak saudaramu (dari sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu dan (Kami telah halalkan bagimu) mana-mana perempuan yang beriman yang memberikan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya dengan tidak membayar mas kahwin) kalaulah Nabi suka berkahwin dengannya; perkahwinan yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang yang beriman umumnya; sesungguhnya Kami telah mengetahui apa yang

Kami wajibkan kepada orang-orang mukmin mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki; - supaya tidak menjadi keberatan bagimu dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Ahzaab:50).

Sebagaimana Ibnu al-`Arabi dan as-Suyuthi, Shah Waliyyullah juga menerima ayat ke-52 Surah al-Ahzaab dimansuhkan dengan ayat ke-50 dari Surah yang sama. Menurut Shah Waliyyullah, walaupun ayat ke-50 tersebut dan dibaca dahulu di dalam al-Qur`an yang ada pada kita sekarang, ia tetap boleh menjadi naasikh bagi ayat ke-52, kerana yang dianggap sebagai syarat oleh para `ulama` Usul untuk sesuatu dalil menjadi naasikh ialah terkemudiannya daripada segi nuzul (turun) kepada Nabi s.a.w. bukan terkemudiannya dalam bacaan dan tertib mushaf yang ada. Ini bererti, bagi mereka ayat ke-50 Surah al-Ahzaab itu turunnya kepada Nabi s.a.w. adalah kemudian daripada ayat ke-52 Surah yang sama.

Oleh kerana ayat ke-50 turun kemudian daripada ayat ke-52, dan di dalam ayat ke-50, Allah menghalalkan 7 macam perempuan kepada NabiNya, sedangkan sebelum itu sudah terdapat larangan Allah terhadap NabiNya daripada berkahwin seterusnya setelah mempunyai beberapa orang isteri, maka tidakkah terdapat pertentangan di antara dua ayat berkenaan? Untuk menghilangkan pertentangan itulah mereka mengatakan ayat yang melarang Nabi s.a.w. daripada berkahwin dengan perempuan-perempuan lain setelah isteri-isterinya yang sedia ada itu dimansuhkan. Dahulu memang pernah tidak dibenarkan Nabi s.a.w. berkahwin lagi, tetapi kemudiannya dibenarkan. Itu adalah satu bentuk kurniaan Allah kepada NabiNya.

Mereka juga berpegang dengan atsar `Aaishah yang menyebutkan bahawa: مَا مَاتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى أُجِلَّ لَهُ النِّسَاءُ سِوَاهُنَّ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. tidak meninggal dunia sebelum dihalalkan kepadanya wanita-wanita lain selain mereka (isteri-isterinya yang sedia ada). (Atsar riwayat at-Tirmidzi, an-Nasaa'i, Ahmad, ad-Daarimi, Ibnu Hibbaan, al-Haakim, al-Baihaqi dan lain-lain). Tirmidzi menghukumnya hasan sahih. Haakim menghukumnya sahih dan az-Zahabi menyetujuinya. Kenyataan `Aaishah ini bagi mereka menunjukkan firman Allah di dalam ayat ke-52 Surah al-Ahzaab telah dimansuhkan. Ia juga secara tidak langsung menunjukkan firman Allah di dalam ayat ke-50 diturunkan kemudian, maka ia layak dijadikan sebagai naasikh bagi ayat ke-52.

Walaupun Shah Waliyyullah dan orang-orang yang sependapat dengan beliau mentarjih ayat ke-52 dimansukhkan oleh ayat yang terdahulu daripadanya daripada segi bacaannya, iaitu ayat ke-50, namun jumhur 'ulama' berpendapat ia tidak mansukh. Tidak juga ayat ke-50 merupakan naasikhnya. Bagi mereka, ayat ke-52 merupakan lanjutan keterangan bagi ayat ke-50 dan ke-51.

Setelah Allah memperincikan perempuan-perempuan yang dihalalkanNya untuk dikahwini NabiNya, dan sememangnya Nabi kita telah pun berkahwin dengan sebahagian daripada perempuan seperti tersebut di dalam ayat itu sebagaimana dikehendaki Allah. Lalu Allah menyebutkan pula selepasnya bahawa engkau tidak boleh lagi berkahwin dengan perempuan-perempuan lain selain isteri-isterimu yang sedia ada. Engkau juga tidak boleh menukar mereka dengan perempuan-perempuan lain, sekalipun - katakanlah - engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka. Ini kerana mereka memang telah teruji dan terbukti sebagai perempuan-perempuan terbaik untuk menjadi isterimu dunia akhirat. Inilah tafsir yang rajih menurut jumhur 'ulama'.

Bagi jumhur 'ulama', ayat ke-52 tidak boleh dikatakan mansukh sama ada dengan ayat ke-50 atau ke-51 atau dengan lain-lain dalil berupa hadits Rasulullah s.a.w. kerana beberapa sebab berikut:

(a) Riwayat-riwayat daripada Ibnu 'Abbaas, Anas, Mujahid, ad-Dhahhaak, Qataadah, Ibnu Zaid, Ibnu Jarir dan lain-lain menyebutkan bahawa selepas berlakunya peristiwa takhyir kepada isteri-isteri Rasulullah s.a.w. lalu mereka tidak memilih dunia sebaliknya memilih Allah, RasulNya dan kehidupan akhirat, maka Allah sebagai balasan dan hadiah kepada pilihan mereka telah melarang NabiNya daripada berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain setelah isteri-isteri Baginda s.a.w. yang sedia ada. Nabi s.a.w. juga dilarang menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang lain. Ini kerana mereka telah betul-betul teruji dan terbukti layak menjadi isteri-isteri Baginda bukan sahaja di dunia ini, malah hingga ke akhirat. Jadi ayat ke-52 itu bagi mereka sebenarnya merupakan balasan dan hadiah Allah kepada para isteri Rasulullah s.a.w. Dan adalah tidak wajar sama sekali mengatakan Allah menghapuskan dan menarik balik balasan dan hadiah yang pernah diberiNya kepada seseorang. (Lihat Tafsir Ruuh al-Ma'ani j.22 m/s 65, Tafsir Ibnu Katsir j.6 m/s 447, Tafsir ad-Durru al-Mantsur j.6 m/s 637, Tafsir Abi as-Sa'ud j.7 m/s 111). Kerana itu

والظاهر على القول بأن الآية نزلت كرامة للمختارات: وبتطبيها لخواطرهن وشكرا لحسن صنيعهن عدم النسخ والله تعالى أعلم Bermaksud: Menurut pendapat orang-orang yang mengatakan ayat ini (ayat ke-52 Surah al-Ahzaab) turun sebagai penghormatan kepada isteri-isteri Rasulullah s.a.w. yang diberi pilihan (sama ada hendak memilih dunia atau memilih Allah, RasulNya dan kehidupan akhirat, lalu mereka memilih yang kedua), juga sebagai penghibur hati-hati mereka dan sebagai balasan kepada pilihan yang dibuat mereka, maka zahirnya ayat itu tidak dimansuhkan. والله تعالى أعلم. (Lihat Tafsir Ruuh al-Ma'ani j.22 m/s 67).

(b) Pendapat orang-orang yang mengatakan ayat ke-52 dimansuhkan oleh ayat ke-50 sebenarnya masih boleh dipertikaikan. Kerana ada juga riwayat daripada Ibnu 'Abbaas, Qataadah dan lain-lain yang menyatakan sebaliknya, iaitu ayat ke-50 sebetulnya yang dimansuhkan oleh ayat ke-52. Tertib turunnya sama seperti tertib yang terdapat di dalam mushaf. Ayat ke-50 diturunkan dahulu, kemudian baru ayat ke-52. Tiada dalil yang kukuh di sisi orang-orang yang mengatakan ayat ke-52 boleh dimansuhkan oleh ayat ke-50, kerana walaupun ayat ke-50 tersebut dan dibaca dahulu di dalam al-Qur'an, tetapi ia diturunkan kemudian. Kalau ayat ke-52 diturunkan dahulu, kenapa pula ia dapat memansuhkan ayat ke-50 yang diturunkan kemudian?

Kenapa Ibnu 'Abbaas berkata: (أي بقوله لا يحل لك النساء الخ) ما أباحه له قبل من و نسخ سبحانه بذلك Bermaksud: "Allah s.w.t memansuhkan dengannya (dengan firmanNya: لا يحل لك النساء dan seterusnya) apa yang telah diharuskan kepadanya (kepada NabiNya) sebelum itu berupa perkahwinan dengan semua macam perempuan (yang tersebut di dalam ayat ke-50 sebelumnya)?" Kenapa pula Mujahid dan Ibnu Jubair mentafsirkan من بعد yang tersebut di dalam ayat ke-52 dengan kata mereka: بعد إباحة النساء على العموم Bermaksud: setelah diharuskan perempuan-perempuan (kepada Nabi s.a.w.) secara umum? (Lihat Tafsir Ruuh al-Ma'ani j.22 m/s 65).

(c) Diriwayatkan daripada sekian ramai sahabat dan tabi'in, termasuk antara mereka Ubai bin Ka'ab, Ibnu 'Abbaas, 'Ikrimah, Abu Razin, ad-Dhahhaak, Qataadah, Hasan al-Bashri dan lain-lain bahawa Allah menghalalkan kepada NabiNya berkahwin dengan 7 macam perempuan melalui ayat ke-50. 7 macam perempuan yang dimaksudkan itu ialah: (i) Isteri-isteri Nabi s.a.w. yang telah dikahwini Baginda dengan membayar mas kahwinnya dengan sempurna. (ii) Hamba sahaya Baginda. (iii)

Anak-anak perempuan bapa saudara Nabi (sebelah bapa). (iv) Anak-anak perempuan emak saudara Nabi (sebelah bapa). (v) Anak-anak perempuan bapa saudara Nabi (sebelah ibu). (vi) Anak-anak perempuan emak saudara Nabi (sebelah ibu) dengan syarat semua mereka (sepupu-sepupu atau kerabat Rasulullah s.a.w. itu) juga telah berhijrah seperti Nabi. (vii) Mana-mana perempuan yang beriman yang memberikan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya dengan tidak membayar mas kahwin). Melalui ayat ke-52 pula Allah tidak menghalalkan NabiNya berkahwin dengan perempuan-perempuan yang tidak termasuk dalam salah satu daripada 7 macam perempuan yang telah tersebut di dalam ayat ke-50 sebelumnya. Melalui ayat ke-52 juga Allah tidak menghalalkan kepada NabiNya menggantikan isteri-isterinya yang sedia ada dengan menceraikan mereka, lalu berkahwin dengan perempuan-perempuan lain sebagai ganti mereka, walaupun ia termasuk dalam 7 macam perempuan yang dihalalkan Baginda berkahwin dengannya. Ini bererti apa yang tidak dihalalkan kepada Nabi s.a.w. ialah mengahwini perempuan-perempuan lain dengan menceraikan mana-mana isteri Baginda yang sedia ada. Kalau tanpa menceraikan mana-mana isteri yang sedia ada, boleh saja Nabi s.a.w. berkahwin dengan siapapun yang disukai Baginda, asalkan ia termasuk dari kalangan 7 macam perempuan yang dibenarkan Baginda berkahwin dengannya. Ini terbukti berdasarkan fakta sejarah yang menunjukkan Nabi s.a.w. masih lagi berkahwin selepas turun ayat ke-52 Surah al-Ahzaab itu. Sebagai contohnya pada tahun ke-7 Hijrah, Rasulullah s.a.w. berkahwin lagi dengan Maimunah binti al-Haarits.

Selain itu, riwayat yang dikemukakan oleh as-Suyuthi daripada Ziad melalui sekian ramai tokoh-tokoh hadits juga tidak menyokong ayat ke-52 dimansuhkan. Lihat riwayat berkenaan di bawah ini:

أَخْرَجَ الْفَرِّيَابِيُّ وَالِدَارِمِيُّ وَابْنُ سَعْدٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَحْمَدَ فِي زَوَائِدِ الْمُسْنَدِ وَابْنُ جَرِيرٍ وَابْنُ الْمُثَنَّرِ وَابْنُ أَبِي حَاتِمٍ وَابْنُ مَرْذُوقٍ وَالضَّيَاءُ فِي الْمُخْتَارَةِ عَنْ زِيَادِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ لِأَبِي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَرَأَيْتَ لَوْ أَنَّ أَزْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِتْنِ أَمَا يَحِلُّ لَهُ أَنْ يَتَزَوَّجَ قَالَ: وَمَا يَمْنَعُهُ مِنْ ذَلِكَ قُلْتُ: قَوْلُهُ {لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدِ} فَقَالَ: إِنَّمَا أَحَلَّ لَهُ ضَرْبًا مِنَ النِّسَاءِ وَوَصَفَ لَهُ صِفَةً فَقَالَ {يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجَكَ} الْأَخْرَابُ الْآيَةُ 50 إِلَى قَوْلِهِ {وَأَمْرًا مُؤْمِنَةً} ثُمَّ قَالَ {لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدِ} هَذِهِ الصِّفَةُ

Bermaksud: Kata Ziad, aku bertanya Ubai (bin Ka'ab r.a): “Bagaimana kalau isteri-isteri Nabi (yang sedia ada) meninggal dunia, tidak halalkah (juga) Rasulullah s.a.w. berkahwin (lagi sebagai ganti mereka)?” Jawab Ubai, “Apa yang menghalang

Baginda daripadanya?” Kataku, “Firman Allah: لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءَ مِنْ بَعْدِ (Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah isteri-isterimu yang ada itu).” Kata Ubai, “Sebenarnya Allah telah menghalalkan kepada Baginda beberapa macam perempuan, sifat-sifatnya (juga) disebut Allah menerusi firmanNya: يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجًا وَاُمْرَأَةً, iaitu ayat ke-50 Surah al-Ahzaab hingga firmanNya: مُؤْمِنَةً. Kemudian beliau (Ubai) berkata (sebagai mentafsirkan perkataan مِنْ بَعْدُ yang tersebut di dalam firman Allah): لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءَ مِنْ بَعْدِ, bahawa ia bermaksud: Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain selain daripada yang telah disebutkan sifat-sifatnya sebelum itu (di dalam ayat ke-50).” (Lihat Tafsir ad-Durru al-Mantsur j.6 m/s 636).

Demikian juga dinukilkan oleh al-Baghawi dan al-Qurthubi di dalam Tafsir mereka.
Kata al-Baghawi:

Bermaksud: kata `Ikrimah dan ad-Dhahhaak, “Ma`na ayat (ke-52) ialah tidak halal kepadamu perempuan-perempuan selain daripada mereka yang telah Kami halalkan untukmu, iaitu (menerusi) firmanNya dalam ayat ke-50 Surah al-Ahzaab. Kemudian Allah berfirman: “Tidak halal kepadamu selepas itu kecuali perempuan-perempuan yang telah Kami halalkan untukmu dengan sifat yang tersebut sebelumnya (di dalam ayat ke-50). (Lihat Tafsir al-Baghawi j.3 m/s 654).

أَيُّ مَنْ بَعْدَ الْأَصْنَافِ الَّتِي سُمِّيَتْ، قَالَهُ أَنَبِيُّ بْنُ كَعْبٍ وَعِزْرَمَةُ وَأَبُو رَزِينٍ، وَهُوَ اخْتِيارُ مُحَمَّدِ بْنِ جَرِيرٍ

Bermaksud: Ertinya ialah selain daripada perempuan-perempuan dengan sifat-sifat yang telah disebutkan. Itulah pendapat Ubai bin Ka'ab, 'Ikrimah dan Abu Razin dan itulah pendapat pilihan Muhammad bin Jarir at-Thabari. (Lihat Tafsir al-Qurthubi j.14 m/s 220).

daripadanya dimansuhkan. Yang tidak dihalalkan oleh Allah kepada Nabinya berkahwin menerusi ayat ke-52 hanyalah perempuan yang tidak termasuk dalam salah satu daripada 7 macam perempuan yang disebut Allah di dalam ayat ke-50. Adapun dengan mereka, maka boleh saja Baginda berkahwin, jika Baginda mahu. Baginda juga tidak dihalalkan mengahwini mana-mana perempuan yang termasuk dalam salah satu daripada 7 macam perempuan yang halal dikahwini Baginda, kalau dengan menceraikan mana-mana isteri yang sedia ada dengan maksud dan tujuan menukar isteri semata-mata. Dalam keadaan tidak menceraikan mana-mana isteri yang sedia ada, sebaliknya kerana kematian sebagai contohnya, Baginda tetap dibenarkan berkahwin dengan sesiapa sahaja daripada mereka jika Baginda mahu. Tidak ada sebarang halangan kepada Nabi s.a.w. untuk berkahwin dalam keadaan ini, walaupun dengan maksud menggantikan isterinya yang telah meninggal dunia itu.

(19) Firman Allah di dalam Surah al-Mujadilah ayat ke-12 juga mansukh menurut kebanyakan `ulama'. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَجَیْتُمْ الرَّسُولَ فَقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيْ جَوْنِكُمْ صَدَقَّةً ذَٰلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَأَطْهَرُ فَإِن لَّمْ تَجِدُوا فَإِنَّ
 اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mengadap dan bertanyakan sesuatu kepada Rasulullah, maka hendaklah kamu bersedekah (kepada fakir miskin) sebelum kamu mengadapnya; (pemberian sedekah) itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih bersih. Dalam pada itu, kalau kamu tidak ada benda yang hendak disedekahkan, (kamu dibenarkan juga mengadapnya mengenai perkara yang tak dapat dielak), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Mujaadilah:12).

Ia bagi mereka dimansuhkan dengan ayat selepasnya, iaitu ayat ke-13 Surah yang sama. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

ءَأَشْفَقْتُمْ أَن تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيْ جَوْنِكُمْ صَدَقَاتٍ فَإِذْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَتَابَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَاقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ
 وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣﴾

Bermaksud: Adakah kamu takut (akan kemiskinan) kerana kerap kali kamu memberi sedekah sebelum kamu mengadap? Kalau kamu tidak melakukan (perintah) itu dan

Allah pun memaafkan kamu (kerana kamu tidak mampu), maka dirikanlah sembahyang dan berikanlah zakat (sebagaimana yang sewajibnya), serta ta'atlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan segala amalan yang kamu lakukan. (al-Mujaadilah:13).

Shah Waliyyullah juga seperti Jalaluddin as-Suyuthi bersetuju dengan jumhur 'ulama' dalam menerima ayat ke-12 sebagai mansukh dan ayat yang memansukhkannya pula ialah ayat ke-13 selepasnya.

Sesetengah 'ulama' berpendapat, ayat ke-12 mengandungi hukum wajib memberi sedekah kepada fakir miskin sebelum mengadap Nabi s.a.w. dan sebelum bertanya kepadanya tentang sesuatu. Hukum wajib seperti itu berlaku hanya sekejap sahaja. Kemudian ia ditamatkan. Memberi sedekah sebelum mengadap Nabi s.a.w. dan bercakap-cakap dengan Baginda tidak lagi merupakan suatu yang wajib, ia hanya dikekalkan sebagai suatu yang mustahab (elok dilakukan) sahaja. Perubahan seperti itu tidak lebih daripada perubahan sifat hukum semata-mata, ia boleh dikatakan nasakh hanya menurut istilah mutaqqaddimin. Adapun menurut istilah muta'akhhirin, perubahan seperti itu masih tidak termasuk dalam bab nasakh. Ia bahkan termasuk dalam bab takhshish (تخصيص).

Menurut al-Marhum Maulana Husain 'Ali yang dianggap sebagai Syeikh at-Tafsir di Pakistan, ayat ke-12 Surah al-Mujaadilah itu dari awal lagi tidak mengandungi perintah wajib. Ia dari awal lagi hanya mengandungi perintah yang memberi erti istihbab. Dan hingga ke akhir, perbuatan memberi sedekah sebelum mengadap Nabi s.a.w. dan bercakap-cakap dengan Baginda dikekalkan sebagai mustahab. Jadi tidak ada ruang langsung untuk dikatakan ia telah mansukh. (Lihat Maulana Ghulamullah Khan – Tafsir Jawahirul Qur'an j.3 m/s 1235).

(20) Ayat ke-20 yang dikatakan telah mansukh oleh sesetengah 'ulama' ialah ayat ke-11 di dalam Surah al-Mumtahanah. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

وَإِنْ فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَقَبْتُمْ فَاتَّأَوْا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَاجُهُمْ مِّثْلَ مَا أَنْفَقُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ

بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Dan sekiranya kamu tidak dapat menerima balik sesuatu dari mas kahwin isteri-isteri kamu yang melarikan diri ke pihak orang-orang kafir, kemudian kamu menyerang puak yang kafir itu serta mendapat harta rampasan, maka berikanlah kepada orang-orang (Islam) yang lari isterinya itu ganti mas kahwinnya sebanyak yang mereka telah bayar dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu beriman kepadaNya. (al-Mumtahanah:11).

Kata as-Suyuthi, ayat ini menurut sesetengah 'ulama' dimansuhkan oleh ayat-ayat Qitaal, antaranya ayat berikut:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الَّتِي كَانَتْ
فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِّلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَتِّلُونَكُمْ كَافَّةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya) dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya dan ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertaqwa. (at-Taubah:36).

Ada juga yang berpendapat ia dimansuhkan dengan ayat Ghanimah, iaitu:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِن كُنْتُمْ
ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّلَاقِ الْجَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١١﴾

Bermaksud: Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu per limanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (al-Anfaal:41).

Sesetengah yang lain pula berpendapat, ayat ke-11 Surah al-Mumtahanah itu muhkam, ia tidak dimansuhkan oleh mana-mana ayat pun. Salah seorang tokoh 'ulama' yang mentarjihkan ayat itu muhkam, tidak mansukh ialah Shah Waliyyullah. Bagaimanapun bagi beliau ayat itu dipakai hanya ketika orang-orang kafir kuat atau dalam keadaan ada perjanjian damai di antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir. Ia tidak hanya khusus untuk zaman Nabi s.a.w. sahaja. jika keadaan seperti di zaman Nabi itu berlaku kembali, panduan daripada dua ayat di dalam Surah al-Mumtahanah itu tetap boleh diguna pakai.

Ayat itu sebenarnya mempunyai latar belakang dan sebab turunnya yang tersendiri. Ia berkait rapat dengan perjanjian damai yang termeterai di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang kafir Quraisy Mekah. Salah satu perkara yang termeterai dalam perjanjian damai yang dipersetujui oleh kedua pihak ialah jika mana-mana orang (laki-laki) muslim Mekah melarikan diri ke Madinah, pihak pemerintah Islam hendaklah mengembalikannya kepada pihak pemerintah Mekah dan mana-mana orang muslim Madinah yang datang ke Mekah pula tidak akan dikembalikan oleh pihak pemerintah Quraisy ke Madinah.

Dalam masa perjanjian damai itu, kalau ada orang (laki-laki) Islam Mekah datang ke Madinah, Nabi s.a.w. akan mengembalikannya ke Mekah. Dalam masa perjanjian itu juga terdapat ramai orang-orang perempuan Islam yang melarikan diri dari Mekah ke Madinah. Mereka dituntut oleh keluarga masing-masing supaya dihantar kembali ke Mekah. Maka turunlah dua ayat di dalam Surah al-Mumtahanah sebagai panduan daripada Allah untuk menangani persoalan itu. Lihat dua ayat berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ ۚ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاثُوهُمْ مَا أَنْفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعَصَمِ الْكُوفَرِ وَسَلُّوا مَا أَنْفَقْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ أَنْفَقُوا ذَلِكُمْ خُصُّمُ اللَّهِ يَخَكُّمُ بَيْنَكُمْ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١﴾ وَإِنْ فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِنْ أَرْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَابْتُمْ فَمَاتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَرْوَاجُهُمْ مِثْلَ مَا أَنْفَقُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِءُ مُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka: Allah

lebih mengetahui akan iman mereka: Dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami) dan berilah kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan dan tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka (perempuan-perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberi kepada mereka mas kahwinnya dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir dan mintalah balik mas kahwin yang kamu telah berikan dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah belanjakan. Demikianlah hukum Allah; Dia hukumkan di antara kamu (dengan adil) dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (10) Dan sekiranya kamu tidak dapat menerima balik sesuatu dari mas kahwin isteri-isteri kamu yang melarikan diri ke pihak orang-orang kafir, kemudian kamu menyerang puak yang kafir itu serta mendapat harta rampasan maka berikanlah kepada orang-orang (Islam) yang lari isterinya itu ganti mas kahwinnya sebanyak yang mereka telah bayar dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu beriman kepadaNya. (11) (al-Mumtahanah:10-11).

Antara panduan dan pedoman yang terkandung di dalam dua ayat di atas ialah:

- (i) Jika terbukti wanita-wanita yang melarikan diri dari Mekah ke Madinah itu Islam setelah diuji, janganlah dikembalikan mereka kepada orang-orang kafir Mekah.
- (ii) Antara sebabnya ialah mereka sudah tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula sudah tidak halal bagi mereka (sebagai suami).
- (iii) Pihak pemerintah Islam diperintah Allah agar memberikan kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan sebagai mas kahwin.
- (iv) Orang-orang Islam dituntut agar tidak berpegang kepada akad perkahwinan dengan perempuan-perempuan yang kekal dalam keadaan kafir.
- (v) Orang-orang Islam juga boleh meminta balik mas kahwin yang telah mereka berikan kepada isteri-isteri mereka yang tetap atas kekufuran sebagaimana suami-

suami yang kafir bagi isteri-isteri mereka yang memeluk Islam boleh meminta balik apa yang mereka telah belanjakan.

Antara sebab kenapa Nabi s.a.w. tidak mengembalikan wanita-wanita yang lari meninggalkan Mekah dan datang ke Madinah ialah kerana tidak tersebut dengan jelas di dalam surat perjanjian yang dipersetujui bersama bahawa mereka juga perlu dikembalikan. Apa yang tercatat di dalamnya hanyalah tentang orang-orang laki-laki sahaja. Orang-orang Islam menerima dengan penuh keta'atan arahan Allah di dalam ayat ke-10 Surah al-Mumtahanah. Orang-orang kafir pula tidak dapat menerima cadangan daripada Rasulullah s.a.w. yang berpunca daripada al-Qur'an itu. Mereka tidak mahu memberikan kepada orang-orang Islam apa yang mereka telah belanjakan sebagai mas kahwin. Maka sebagai panduan seterusnya Allah menurunkan ayat ke-11 pula, di mana Allah memerintahkan agar pihak pemerintah Islam yang berjaya mengalahkan orang-orang kafir dalam peperangan dan mendapat harta ghanimah supaya memberikan kepada orang-orang Islam yang lari isterinya itu ganti mas kahwinnya sebanyak yang mereka telah bayar. Inilah pendapat pilihan Ibnu 'Abbaas, Ibrahim an-Nakha'i, Masruq, Qataadah, Dhahhaak, Zuhri, Mujahid, Sufyan bin Husain dan lain-lain. (Lihat tafsir Ibnu Katsir j.4 m/s 352).

'Allamah Mahmud al-Aaluusi dengan terang menggambarkan amalan kebiasaan Rasulullah s.a.w. dalam masalah ini. Kata beliau:

وقد كان صلى الله تعالى عليه وسلم- كما روي عن ابن عباس- يعطي الذي ذهب زوجته من الغنيمة قبل أن
تخمس المهر ولا ينقص من حقه شيئا

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. - sebagaimana diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbaas – selalu memberikan mas kahwin kepada orang yang isterinya pergi (kepada orang-orang kafir) daripada harta ghanimah sebelum ia dibahagikan kepada lima bahagian. Baginda tidak mengurangi sedikit pun haknya. (Lihat Tafsir Ruuh al-Ma'ani j.28 m/s 79).

Sesetengah ahli tafsir seperti Qataadah dan Mujahid mengatakan, jika pihak orang-orang kafir tidak menembalikan mas kahwin yang telah diberikan oleh suami-suami Islam di Madinah kepada isteri-isteri mereka yang kekal atas kekufuran, pihak pemerintah Islam juga sebagai tindak balas tidak memberikan kepada suami-suami

kafir di Mekah yang isteri-isteri mereka telah memeluk agama Islam dan melarikan diri ke Madinah. (Lihat an-Naasikh Wa al-Mansukh m/s 249).

(21) Ayat terakhir sekali yang dikatakan telah mansukh oleh sesetengah pihak menurut apa yang disebut oleh as-Sayuthi ialah ayat berikut:

قُمِ اللَّيْلُ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢١﴾

Bermaksud: Bangunlah (untuk sembahyang) di malam hari, kecuali sedikit (daripadanya). (al-Muzzammil:2).

Ayat yang memerintahkan supaya bangun bersembahyang di sepanjang malam kecuali sedikit daripadanya itu dikatakan telah mansukh dengan ayat dari surah yang sama, iaitu ayat ke-20 Surah al-Muzzammil. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِنْ ثُلُثَيِ اللَّيْلِ وَنِصْفَهُ، وَثُلُثَهُ، وَطَائِفَةٌ مِّنَ الَّذِينَ مَعَكَ وَاللَّهُ يُقَدِّرُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ عَلِمَ أَن لَّنْ نَّحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ اللَّهِ وَءَاخَرُونَ يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاقْرَءُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِن خَيْرٍ نَّحْدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا وَاسْتَغْفِرُوا لِلَّهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui bahawasanya engkau bangun (sembahyang Tahajjud) selama kurang dari dua pertiga malam dan selama satu perduanya dan selama satu pertiganya dan (demikian juga dilakukan oleh) segolongan dari orang-orang yang bersama-samamu (kerana hendak menepati perintah yang terdahulu); padahal Allah jualah yang menentukan dengan tepat kadar masa malam dan siang. Dia mengetahui bahawa kamu tidak sekali-kali akan dapat mengira dengan tepat kadar masa itu, maka Dia memberi keringanan kepadamu; oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari al-Qur'an (dalam sembahyang). Dia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya). Maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat

membacanya dari al-Qur'an dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekal untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Muzzammil:20).

Kemudian ayat ke-20 ini pula dikatakan mansukh dengan shalat fardhu lima waktu. Shah Waliyyullah berkata, da'waan bahawa ayat terakhir Surah al-Muzzammil itu dimansukhkan dengan shalat fardhu lima waktu adalah suatu da'waan tanpa dalil. Ini kerana shalat tahajjud sebagaimana disyari'atkan sebelum shalat fardhu lima waktu, ia masih lagi disyari'atkan hingga ke hari ini. Ia tidak dimansukhkan dengan shalat fardhu lima waktu. Tidak benar juga mengatakan ayat ke-2 di permulaan Surah al-Muzzammil dimansukhkan dengan ayat terakhirnya. Ini kerana perintah Allah supaya bangun bertahajjud itu bukan sebagai perintah fardhu atau wajib. Ia tidak lebih daripada galakan yang agak kuat (تأكيد النذب) untuk mengerjakan sembahyang sunat tahajjud. Ayat terakhirnya pula menghilangkan galakan yang agak kuat itu, bagaimanapun ia masih tetap sebagai suatu yang sunat atau mandub.